



JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI
NOTIS SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA: **JPKN/RKD/2025/01**

TAJUK SEBUT HARGA: **PEMASANGAN DAN PENAIKTARAFAN
RANGKAIAN KOMPUTER UNTUK JABATAN AUDIT
DALAM NEGERI SABAH**

KOD BIDANG (PUKONSA): **210106 - Networking Products and Services**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang mempunyai lesen berniaga yang sah dan berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dengan kod bidang yang berkaitan untuk membuat tawaran bagi perolehan kerja di atas.
2. Syarikat yang ingin mengambil bahagian dalam sebut harga ini **perlu membuat bayaran** sebanyak **RM50.00** terlebih dahulu secara **atas-talian (online)** atau **melalui kaunter** dan seterusnya menghantar **salinan resit dan borang/dokumen pembayaran** melalui email kepada NurNikkiAna.Kok@sabah.gov.my (088-652 630) untuk mendapatkan satu **set dokumen sebut harga yang lengkap**.

Kaedah-kaedah bayaran:

i. **SECARA ATAS-TALIAN (ONLINE)**

- Membuat bayaran sebanyak **RM50.00** ke akaun:
 - **JABATAN BENDAHARI NEGERI,**
 - **101960010025301** (nombor akaun Alliance Bank Malaysia Berhad)
- Mencatatkan "**126-73105 JPKN/RKD/2025/01 - NAMA SYARIKAT**" di ruang nota bayaran sebagai rujukan bayaran *online*.

ii. **MELALUI KAUNTER**

- Mendapatkan **Borang Bayaran Sebut Harga** di Bahagian Kewangan dan Akaun, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Tingkat 7, Blok A, Menara Kinabalu, Jalan UMS, Teluk Likas, 88400 Kota Kinabalu.
- Membuat bayaran sebanyak **RM50.00** di **Kaunter Pembayaran, Jabatan Bendahari Negeri, Tingkat 9, Blok A, Menara Kinabalu, Jalan UMS, Teluk Likas, 88400 Kota Kinabalu.**

3. Dokumen sebut harga yang lengkap beserta dengan salinan-salinan **resit bayaran, lesen berniaga** dan **sijil PUKONSA** mestilah dimasukkan ke dalam **sampul surat yang berlakri**. Sampul surat tersebut haruslah ditandakan dengan '**NO._SEBUT_HARGA**' dan '**TAJUK_SEBUT_HARGA**' dan di masukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan di **Ruang Menunggu, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Tingkat 7, Blok A, Menara Kinabalu, Jalan UMS, Teluk Likas, 88400 Kota Kinabalu**.
4. Kerajaan Negeri tidak akan terikat untuk menerima tawaran sebut harga yang terendah atau memberi apa-apa sebab apabila sesuatu tawaran itu ditolak. Semua borang sebut harga serta dokumen sokongannya tidak akan dikembalikan.
5. Sebarang ketetapan di atas yang tidak dipatuhi akan mengakibatkan sebut harga ditolak secara automatik.
6. Tarikh tutup sebut harga: **10^{hb} Mac 2025, jam 10.00 pagi**.

PENGARAH

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan UMS, Teluk Likas, 88400 Kota Kinabalu

NO. SEBUT HARGA: JPKN/RKD/2025/01

TAJUK: PEMASANGAN DAN PENAIKTARAFAN RANGKAIAN
KOMPUTER UNTUK JABATAN AUDIT DALAM NEGERI
SABAH

A. SKOP KERJA

- i. Pembekal hendaklah membekal, menghantar, memasang dan menguji semua item yang disenaraikan dalam SPESIFIKASI ke PEJABAT JABATAN AUDIT DALAM NEGERI, TINGKAT 7-11, WISMA TUN FUAD, KOTA KINABALU.
- ii. Pembekal hendaklah memberi jaminan tidak kurang dari satu (1) tahun serta *Lifetime Warranty* dari pengeluar (jika berkaitan) ke atas semua item yang disenaraikan dalam SPESIFIKASI dari sebarang kecacatan atau kecacatan pembuatan (*manufacturing defects*).
- iii. Jaminan ini menunjukkan bahawa pembekal hendaklah menanggung sendiri segala kos pengangkutan, kos buruh atau sebarang kos lain ke atas apa-apa kecacatan pada semua item yang disenaraikan dalam SPESIFIKASI yang dikesan dalam tempoh jaminan.
- iv. Pembekal hendaklah membekalkan SEMUA barang pelengkap (pemacu USB/dongle, kabel, dan lain-lain) yang penting untuk pengoperasian semua item yang disenaraikan dalam SPESIFIKASI.
- v. **SILA BUAT BAYARAN TERLIBIH DAHULU UNTUK MENDAPATKAN DOKUMEN SEBUT HARGA YANG LENGKAP.** (Rujuk notis sebut harga untuk penerangan penuh.)

B. RINGKASAN SEBUTHARGA (SPESIFIKASI)

- Harga yang disebut adalah termasuk SEMUA item dan aksesoriya seperti yang disenaraikan dalam SPESIFIKASI.
- Harga yang disebut adalah TERMASUK Yuran Langganan/Pemprosesan Lewat dan sebarang cukai/kos lain.
- Sebarang item yang didapati rosak MESTI diganti TANPA sebarang caj.

NO.	ITEM	QUANTITY
1.	24-Port Gigabit L2+ Managed Switch with 4 SFP Slots	3
2.	16-Port Gigabit unmanaged Switch	1
3.	Access Point Wifi 6 Managed 2x2 Indoor with Accessories	14
4.	UTP Cat6 Indoor Cabling (AP)	14
5.	UTP Cat6 Indoor Cabling (LAN)	42
6.	Installation, Testing, Commissioning & Logistic.	SUM
